

## Pelaksanaan Tarbiah Islamiah Pada Zaman Rasulullah s.a.w di Mekah dan Madinah: Satu Sorotan

*The Implementation of Islamic Education during Prophet Muhammad s.a.w Era in Mecca and Medina: A Review*

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi

*Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak*

\*Corresponding author: m20172001806@siswa.upsi.edu.my

---

### Article history

Received: 2020-01-30 Received in revised form: 2020-06-11 Accepted: 2020-06-16 Published online: 2020-10-30

### Abstract

Islamic education is a continuation of the field of human education. The early generation of Muslim, they were born not only excellent both faith and morals even both life in this world and the hereafter. This is due to the acceptance of Islamic education from the prophet. Therefore, this study discusses the implementation of Islamic education for two famous places in the Arabian Peninsula namely Mecca and Medina besides tracing the impact of the abandonment of Islamic education civilization in the reign of the Prophet Muhammad s.a.w, which is the starting point for a new transformation of education methodology. This paper also explores each Islamic education in the era of the Prophet Muhammad s.a.w which is relevant to the context of contemporary education in particular to develop the spiritual and humanity in society. This study is a qualitative study with data collection based on library research. The results of the study through document analysis. This article finds the phases that occur of Islamic education is based on its own time pattern besides having syllables and scope of standard and integrated pedagogical. The progress in Islamic education can also be seen after migration (*hijrah*) when the mosque becomes a formal place in the field of Islamic education. Thus, it is hoped that Muslims can take lesson from Islamic education that the Messenger of Allah carried especially his sacrifice and struggle.

*Keywords:* Islamic Education, Prophet Muhammad s.a.w Era, Mecca and Medina

### Abstrak

Tarbiah Islamiah merupakan kesinambungan bidang pendidikan umat manusia. Generasi dahulu lahir bukan sahaja cemerlang dari aspek akidah dan akhlak bahkan baik dari sudut kehidupan duniawi dan ukhrawi. Hal ini disebabkan oleh tarbiah Islamiah yang terpantul daripada pengasas utamanya iaitu Rasulullah s.a.w. Maka, kajian ini membincangkan pelaksanaan tarbiah Islamiah bagi dua tempat terkenal di semenanjung tanah Arab yakni Mekah dan Madinah selain menjejaki kesan peninggalan tarbiah Islamiah pada era pentadbiran Rasulullah s.a.w yang menjadi titik permulaan kepada transformasi baharu pengkaedahan pendidikan. Kertas kajian ini juga turut menelusuri setiap tarbiah Islamiah pada zaman Rasulullah s.a.w yang bersesuaian dengan konteks pendidikan kontemporari khususnya bagi membentuk rohani dan insani dalam masyarakat. Penulisan ini adalah berbentuk kualitatif dengan pengumpulan data berdasarkan kepada kajian kepustakaan. Hasil dapatan kajian diambil melalui analisis dokumen. Kajian ini mendapati, fasa-fasa berlakunya tarbiah ialah berlandaskan kepada pola masa yang tersendiri selain mempunyai silibus dan skop pedagogikal yang standard serta bersepadu. Kepesatan dalam tarbiah Islamiah juga dapat dilihat selepas hijrah apabila institusi masjid menjadi tempat formal dalam pentarbiahan bagi ilmu-ilmu Islam. Justeru, diharapkan umat Islam dapat mengambil iktibar daripada pentarbiahan Islamiah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w terutama pengorbanan dan perjuangannya.

*Keywords:* Tarbiah Islamiah, Zaman Nabi Muhammad s.a.w, Mekah dan Madinah

## 1.0 PENDAHULUAN

Kajian ilmu tarbiah Islamiah adalah teori, konsep dan pengetahuan tentang pendidikan yang berteraskan Islam. Keupayaan manusia hari ini dalam memperbaiki kualiti hidup dan merancang masa depan yang lebih baik, bergantung kepada gagasan tarbiah Islamiah yang diberikan oleh Allah s.w.t melalui Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu, perbahasan mengenai tarbiah Islamiah sentiasa menarik perhatian dan sampai ke hari ini tarbiah Islamiah tidak terlepas dalam konteks kehidupan manusia.

Secara umumnya, Nabi Muhammad s.a.w adalah *uswatun hasanah* (suri teladan) dan *rahmatan lil'alam* (pembawa rahmat seluruh alam) bagi manusia yang mengharapkan petunjuk, rahmat dan balasan syurga di akhirat kelak. Hakikatnya, pendidikan pertama dan paling utama dalam dunia ialah tarbiah Islamiah (Yalchin, 1977; al-Qurashi, 2009; Ahmad, 2014). Proses transformasi ilmu pengetahuan, interaksi sosial antara manusia, nilai-nilai spritual dan bimbingan akal yang dibawa oleh baginda s.a.w dikatakan mempunyai mukjizat luar biasa yang tidak dapat dilakukan oleh manusia lain seperti baginda s.a.w.

Hasil tarbiah Islamiah pada zaman Rasulullah s.a.w dapat dilihat melalui kemampuan para sahabat selepas zaman Rasulullah s.a.w. Contohnya, zaman Khulafa' ar-Rasyidin (Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq, Sayyidina Umar al-Khattab, Sayyidina Uthman al-Affan dan Sayyidina Ali bin Abi Talib), zaman Bani Umayyah, zaman Bani 'Abbasiah dan zaman Uthmaniah. Selain itu, hasil tarbiah Islamiah yang dibawa Rasulullah s.a.w juga turut berjaya melahirkan tokoh-tokoh terkenal seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibnu Sina, Ibnu Maskawih, al-Ghazali dan lain-lain lagi dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan seperti ilmu sains, ilmu matematik, ilmu teknologi, ilmu astronomi (falak), ilmu strategi peperangan, ilmu arkeologi, ilmu falsafah dan sebagainya

Pada zaman Rasulullah s.a.w, permulaan tarbiah Islamiah berlaku di dua tempat utama iaitu di Mekah dan Madinah. Kebanyakan ahli akademik mengaplikasikan ilmu daripada cabang atau prinsip atau disiplin yang berkaitan dengan pola pendidikan serta interaksi sosial yang telah dilaksanakan pada zaman tersebut. Gambaran dan bentuk tarbiah Islamiah pada zaman Rasulullah s.a.w di Mekah dan Madinah ialah sebuah sejarah berharga yang perlu kita gali kembali. Sumber-sumber berkenaan dikatakan menjadi bahan perantaraan, sumber panduan, gambaran, strategi dan kejayaan pelaksanaan proses tarbiah Islamiah.

Pelaksanaan pendidikan pada zaman Rasulullah s.a.w yang terdiri daripada metode, kurikulum, tempat pendidikan, dasar, tujuan dan sebagainya bersinambungan dengan pelaksanaan tarbiah Islamiah, baik secara teori mahupun praktikal. Perbincangan mengenai sejarah tarbiah Islamiah sama dengan membicarakan mengenai hal ehwal Islam. Hal ini demikian kerana, sejarah tarbiah Islamiah itu lahir bersama-sama dengan lahirnya Islam itu sendiri. Maka, fokus utama landasan tarbiah Islamiah ketika Rasulullah s.a.w berada di tengah-tengah masyarakat jahiliah ialah untuk mensosialisasikan keislaman dan mengidentifikasi institusi tarbiah Islamiah (Aminah, 2015).

Kini, krisis kemerosotan tarbiah Islamiah dalam diri umat Islam adalah sangat membimbangkan. Masakan tidaknya, pada hari ini, keruntuhan nilai dan sahsiah yang parah sedang membelenggu umat Islam. Menurut Prof. Tan Sri Dr. Kamal Hassan, antara faktor keruntuhan sahsiah ialah pembangunan tidak seimbang antara material dengan fizikal, pembangunan kerohanian dan kemanusiaan, pengaruh persekitaran dan aliran budaya, impak modenisasi dan urbanisasi serta pergolakan institusi kekeluargaan (Hassan, 2019). Tambah beliau lagi, penglibatan umat Islam dengan cabul, rogol, sumbang mahram, seks luar tabii, buang bayi, hamil luar nikah dan pelbagai lagi gejala sosial secara berleluasa ialah disebabkan kurangnya tarbiah Islamiah dalam diri umat Islam.

Menurut Shaari (2017), purata kes tahunan 2017 telah menunjukkan bahawa, terdapat 800 kes wanita hamil luar nikah, didaftarkan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Kuala Lumpur sahaja. Manakala statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 100 kes pembuangan bayi telah direkodkan setiap tahun (Sinar Harian, 05 April 2019). Analisa yang dilakukan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Asisten Komisioner Choo Lily terhadap kes jenayah rogol mendapati daripada 822 kes rogol yang dilaporkan setakat tahun 2019, 289 ialah terdiri daripada pesalah laku juvana, atau 35 peratus (Malaysiakini, 25 Oktober 2019). Lagi memburukkan keadaan apabila kes seks luar tabii turut membabitkan tenaga pengajar atau pelajar daripada institusi keagamaan. Sebagai contohnya, kes liwat di Kampung Buaya Manora, Perak (Abdul Rahman, 2019), kes liwat di Bukit Bay Route, Kuantan (Latib, 2018), kes liwat di Marang, Terengganu (Baharin, 2019) dan lain-lain lagi.

Maka, selari dengan konsep Islam agama yang syumul, masyarakat Islam perlu menghayati tarbiah Islamiah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w sebagai tunjang utama dalam kehidupan agar keseimbangan dunia dan akhirat dapat dipenuhi. Sehubungan dengan itu, kajian ini menyenaraikan pelaksanaan tarbiah Islamiah yang berlaku di Mekah dan Madinah di samping turut menghuraikan beberapa implikasi daripada tarbiah Islamiah pada zaman Rasulullah s.a.w. Artikel ini juga turut membincangkan setiap aspek tarbiah Islamiah yang terjadi pada era pentadbiran baginda s.a.w dan kesinambungannya dari sudut pendidikan hari ini khususnya bagi melahirkan rohani dan insani masyarakat yang berjaya.

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan berdasarkan kaedah kepustakaan iaitu menggunakan sumber sekunder sebagai data kajian. Pengumpulan data kajian berdasarkan kaedah analisis dokumen iaitu melalui pembacaan naratif seperti buku, artikel, jurnal, ensiklopedia, akhbar dan sebagainya. Antara sumber karya klasik terdiri dari karya tokoh-tokoh Islam seperti Ahmad al-Iskandari (1260-1309), Ibnu Katsir (1301-1373), Ibnu Hisham (833), Abu Nuaim al-Isfahani (947-1038) dan banyak lagi. Kajian ini juga merujuk sumber muktabar dari pemikir-pemikir Islam seperti Prof. Dr. Mohammed Said Ramadan al-Buti (1929-2013), Sheikh Shafiyurrahman al-Mubarakfuri (1943-2006), Prof. Dr. Miqdad Yalchin (1937-sekarang) dan lain-lain.

## **2.0 LATAR BELAKANG JAZIRAH ARAB**

Latar belakang jazirah Arab yang diperolehi, dapat dilihat dari aspek geografi Mekah dan Madinah, kriteria bangsa Arab, tamadun, budaya serta agama di sekitar tanah Arab.

### **2.1 Geografi Mekah dan Madinah**

Terdapat dua bahagian utama jazirah Arab iaitu Mekah dan Madinah. Perkara ini telah tercatat sebagaimana di dalam tulisan Syalabi (1983) iaitu:

1. Dikenali sebagai 'Jantung Tanah Arab' dan antara kawasan paling penting yang terletak di pedalaman ialah Najd.
2. Meliputi kawasan Jazirah. Kebanyakan yang mendiaminya adalah orang kota. Negara utama yang berada di situ ialah Yaman di sebelah selatan, Ghassan (sekarang Damsyik) terletak di bahagian Utara, al-Ḥasa' (Hajar) dan Bahrain di bahagian timur, serta Hijaz di bahagian Barat.

Secara ringkasnya, kedua-dua tanah Arab (Mekah dan Madinah) terletak di daerah Hijaz dan Tanah Semenanjung bahagian Barat Daya Benua Asia. Kedua-duanya memiliki keistimewaan tersendiri sebelum lahirnya Islam. Mekah memiliki latar belakang kedudukan yang sangat strategik kerana memiliki persinggahan jalan perdagangan Syria (Syam) dengan Yaman, terdapat sumber air zam-zam dan terkenal sebagai pusat ibadah. Dari aspek ekonomi dan kebudayaan pula, Mekah juga

dikatakan sangat unik dan menarik. Tidak dapat dinafikan Madinah (Yastrib) sebelum Islam dikatakan sebagai kawasan oasis yang sangat subur untuk pertanian selain mempunyai kedudukan strategik iaitu jalan perdagangan antara Mekah dengan Syria (Al-Faruqi, Ismail R. dan Al-Faruqi, Lois Lamnya, 1992; Ibhrim, 2014; Saifullah, 2016).

Sebahagian besar jazirah Arab dilitupi padang pasir Sahara yang terletak di tengah-tengah gurun yang gersang dan kebanyakan penduduknya tidak menetap dalam satu-satu kawasan tempat tinggal. Hal ini demikian kerana, terdapat pergaduhan atau pertelingkahan antara satu kabilah dengan kabilah yang lain. Kebiasaannya perebutan yang berlaku ialah disebabkan mereka mahu menetap di kawasan-kawasan lembah yang terdapat sumber air. Selain itu, kebanyakan masyarakat Arab memiliki sifat-sifat gagah, tidak takut menghadapi bahaya dan berani mempertahankan diri sehingga tertanam dalam jiwa mereka semangat juang serta suka berperang. Mereka juga hidup di kawasan yang bebas, merdeka dan jauh daripada jangkauan cengkaman penjajah (Anis, 2015).

## 2.2 Kriteria Bangsa Arab

Menurut Yamin (2017), masyarakat Arab pada ketika itu dikatakan hidup secara berpindah randah dan menetap dalam budaya kesukuan atau disebut sebagai Badwi. Beberapa keluarga dikatakan membentuk kabilah. Peperangan antara kabilah juga acapkali berlaku. Hal ini disebabkan oleh sikap atau tabiat yang sudah sebatu dalam sanubari mereka. Oleh sebab itulah, implikasi buruk “suka berperang” ini menjadikan nilai atau taraf wanita pada ketika itu amat hina dan rendah sekali. Keadaan seperti ini masih berterusan sampailah munculnya Islam. Al-‘Usairi (2003), Rus’an (1981) dan al-Mubarakfuri (1979) menyatakan, asal usul ringkas pembahagian tamadun Arab pada waktu itu kepada tiga bentuk iaitu:

### 1. Arab *Ba'idah* (Purba)

Kaum Arab terdahulu yang sudah dibinasakan dan kemungkinan sejarahnya masih boleh dijejaki jika kajian atau penyelidikan dilakukan. Contohnya, kaum ‘Ad, Tsamud, Nuh, Luth, Madyan, Ashab al-Ukhdud, Saba dan sebagainya.

### 2. Arab *'Aribah* (Asli)

Bani Arab daripada salasilah Ya'rib bin Yasyjub bin Qahtan bin Hud, atau disebut sebagai kaum Qahthaniyah atau Qahthaniyun. Tempat kemunculan mereka adalah di Yaman dan mempunyai dua kabilah iaitu:

- a. Suku bangsa Himyar dan memiliki kabilah yang terkenal, iaitu Zaid al-Jumhur, Qudha'ah dan as-Sakasik.
- b. Suku bangsa Kahlan yang terdiri daripada beberapa kabilah iaitu Hamdan, al-Han, al-Asy'ar, Wathi, Madhij (anak kabilah, Ans dan Nakha), Lakm (anak kabilah Kindah, Muawiyah, Sakun dan Sakasik), Judzam, Amilah, Khaulan, Ma'fir, Anmar dan sebagainya. Suku bangsa Kahlan adalah yang paling ramai berhijrah daripada Yaman dan telah bertebaran ke seluruh pelusuk Jazirah Arab disebabkan faktor banjir besar dan kegagalan perdagangan. Selain itu, antara lain yang memaksa orang-orang Arab berhijrah adalah disebabkan tekanan Bangsa Romawi yang menguasai jalan perdagangan laut dan darat. Orang-orang Romawi juga dikatakan telah berjaya menguasai Mesir dan Syria pada ketika itu

### 3. Arab *Musta'ribah* atau *Muta'arribah* (Badui)

Kaum Arab daripada keturunan Nabi Ibrahim a.s yang disebut sebagai *Adnaniyun*. Daripada keturunan baginda a.s jugalah lahirnya *kabilah Quraisy*.

Selain zaman tersebut juga, menurut Syukur (2009), kabilah-kabilah Arab pada ketika itu hidup berpuak-puak, pecah belah, tidak bersatu, tidak tunduk kepada satu pemerintahan, tidak ada penyatuan politik dan agama. Setiap kabilah memiliki penguasa atau ketua sendiri dengan gelaran *Syaikhul Qabilah* (Ketua Puak). Pada wilayah yang maju pula, pemerintah bermahkota yang mentadbir seperti raja Yaman, raja Syria (Ghassaniah) dan raja Iraq (Manazirah).

Belum didapati mana-mana pemerintah Arab pada ketika itu yang memiliki kekuatan ketenteraan dan boleh menguasai banyak wilayah Arab termasuk Yaman. Republik Ethiopia (dulu dikenali Habsyi) semasa di bawah penguasaan Aryath, dikatakan pernah menakluk Yaman pada tahun 570 M (Ibnu Kathir, 2008), kemudian Aryath digantikan oleh Abrahah bin ash-Shabah Abu Yaksum sebagai gabenor yang mewakili Raja Kaleb di Yaman. Misi besar Abrahah pula ialah untuk menguasai ekonomi seluruh tanah Arab, membangunkan sebuah gereja yang paling indah, ingin melenyapkan Mekah dari bumi Arab dan menghancurkan Baitul ‘Atiq (Kaabah) (al-Tabari, 1997; Mohammad (2014). Namun pada akhirnya, angkatan tentera bergajah yang diketuai oleh Abrahah itu hancur dibinasakan oleh Allah s.w.t

Kabilah-kabilah Arab juga sangat menyanjung tinggi Kaabah sehinggakan ada antara mereka selalu mengunjung dan menunaikan haji setiap tahun (Ibnu Hisham, 1991). Di samping itu, acara tahunan (bulan suci) bagi mereka ialah mewujudkan pasar tahunan (Ukaz dan Zul Majaz dan Majannah) di sekeliling Kaabah (al-Mubarakfuri, 1979). Ini bertujuan mengelakkan berlakunya peperangan di sekitar Kaabah. Kaum Quraisy juga dikatakan bukan sahaja cerdas dalam perniagaan malah merupakan penjaga Kaabah. Mereka melakukan tugas dengan tinggal di kawasan Kaabah bagi menjaga dan mengabdikan diri sepenuhnya terhadap rumah suci itu (Abd Hakim dan Mubarak, 2004)

Kehidupan sosial bangsa Arab Quraisy pada masa itu sangat terkenal dengan syair-syair Arab klasik dan tradisional. Kaum Quraisy sangat menghargai seni syair dan mengangkat tinggi sesiapa sahaja yang pandai bersyair (Khafaji, 1973). Menurut Ahmad Amin (1975), penyair juga akan mendapat banyak kelebihan ataupun pangkat kemuliaan. Salah satu pengaruh syair terhadap bangsa Arab jahiliah adalah dapat mengangkat kemuliaan dan taraf kedudukan seseorang tidak kira betapa hinanya dia dari sudut pandang masyarakat tersebut (Ritonga, 2015; al-Iskandari, 1952).

### **2.3 Tamadun, Budaya dan Agama di sekitar Tanah Arab**

Kemunculan dan perkembangan tamadun serta budaya di sekitar tanah Arab sebelum lahirnya baginda s.a.w berasal dari pengaruh budaya manusia di sekitarnya yang lebih maju daripada peradaban Arab. Pengaruh tersebut dikatakan menyerap masuk ke tanah Arab melalui hubungan perdagangan dengan penduduk dari wilayah lain sama ada melalui kerajaan kolonial di bawah pemerintahan Rom dan Parsi ataupun melalui rahib-rahib Yahudi dan Kristian ataupun melalui kerajaan Ghassan dan Hirah (H. Abuddin Nata, 2011). Menurut H. Abuddin Nata. (2014), walaupun ajaran Yahudi dan Kristian dikatakan telah berkembang dan telah mendapat sedikit tempat di hati orang-orang Arab Jahiliah pada ketika itu, akan tetapi kebanyakan mereka masih mengamalkan agama animisme iaitu penyembahan berhala, dewa, patung-patung, pohon, batu-batuan, sumur dan gua.

Menurut penelitian tambahan yang dilakukan Haris (2006), tuhan-tuhan yang diyakini oleh orang Arab pada waktu itu ialah pada sebuah tempat keramat yang disebut sebagai *haram*. Kriteria dari tempat ini ialah sebuah tempat yang terhindar daripada sebarang konflik perkauman



(kesukuan), berfungsi sebagai pusat haji, pusat berkorban (menyembelih haiwan korban), pusat pertemuan dan arbitrase (bila terjadi konflik). Sebuah *haram* juga dijaga oleh mana-mana keluarga yang memiliki kuasa penjagaan daripada kabilah yang mengelilinginya. Keluarga seperti itu dapat meraih kekuasaan atau pengaruh selain memanfaatkan kemuliaan daripada keagamaan mereka, serta berperanan sebagai *arbitrer* (orang tengah) terhadap perselisihan mana-mana puak kabilah, dan diberi kesempatan untuk melakukan perniagaan secara terbuka

### 3.0 TARBIAH PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W

#### 3.1 Pelaksanaan Tarbiah di Mekah

Sebagaimana yang diketahui umum, sejarah tarbiah Islamiah menurut al-Buti (1991) dan Mohd Yusuf Ahmad (2000) bermula ketika baginda s.a.w *beru'zlah* (bersendirian) di Gua Hira', Mekah pada tahun 610 M. Baginda s.a.w dilantik oleh Allah s.w.t secara rasmi sebagai utusan-Nya selepas turunnya wahyu pertama melalui malaikat Jibril a.s. Pada ketika itu, Rasulullah s.a.w menyebutkannya tidak sekadar sebutan, walhal ia dilaksanakan untuk difahami secara holistik (Jasmi dan Che Noh, 2013). Dalam wahyu pertama yang berbunyi:

Allah s.w.t berfirman, “Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhan-mulah Yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantara kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya”. (Surah Al-'Alaq, 96: 1-5)

Berpandukan ayat di atas, proses pengenalan mendapatkan maklumat sama ada perkara duniawi atau ukhrawi seharusnya melalui ‘pembacaan’. Tahap pertama tarbiah Islamiah, Jibril a.s ialah guru dan baginda s.a.w pula ialah murid. Malaikat Jibril a.s membacakan ayat-ayat di atas kepada baginda s.a.w dan meminta baginda s.a.w supaya memerhatikan bacaan tadi dengan penuh perhatian sehingga tamat. Baginda s.a.w juga dinasihatkan supaya tidak kalut dalam membacanya dan hanya perlu mengikuti apa yang dipersembahkan oleh Jibril a.s selepas membacanya. Hal ini sangat bertepatan “role model” yang dipertontonkan oleh Jibril a.s dan Nabi Muhammad s.a.w iaitu asas utama dalam menimba segala ilmu pengetahuan ialah membaca.

Lanjutan daripada peristiwa terbabit, giliran Nabi Muhammad s.a.w pula diangkat sebagai “murabbi” bagi menyampaikan tarbiah Islamiah di tanah Arab. Misalnya, menurut Jasmi dan Che Noh. (2013) lagi, sumber utama tarbiah Islamiah ialah kalamullah manakala tapak tarbiah dan pusat harakah Islamiah yang pertama pada era awal tersebut ialah rumah baginda s.a.w serta rumah al-Arqam bin Abi Arqam. Pengajian ilmu al-Quran berkembang di Madinah selepas kehadiran sekumpulan manusia dari Madinah yang hadir menemui baginda s.a.w serta menyatakan taat setia terhadap Rasulullah s.a.w selain turut menjadi agen penyebaran wahyu Allah s.w.t di Madinah. Walaupun selepas penghijrahan ke Madinah berlaku, tarbiah al-Quran masih dilakukan di teratak Rasulullah s.a.w dan kemudiannya di Masjid Nabawi. Kebanyakan para sahabat bertalaqqi dengan baginda s.a.w sendiri. Mereka mempelajari kalamullah secara hafazan dari baginda s.a.w sehingga muncullah ahli huffaz yang hebat dan masyhur, antaranya Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar, Sayyidina Uthman, Sayyidina Ibn Mas'ud, Sayyidatina A'ishah dan sebagainya

#### 3.1.1 Fasa-fasa Berlakunya Tarbiah di Mekah

Pentarbiahan Islamiah di Mekah menurut dapatan kajian yang dilakukan oleh Iskandar dan Najmuddin (2013), Iqbal (2015) dan Taufikurrahman (2018) terbahagi kepada tiga bentuk:

1. Pola tarbiah Islamiah secara spesifik

Gerakan tarbiah Islamiah dilaksanakan secara rahsia. Hal ini demikian kerana, kecelaruan situasi sosial dan politik pada waktu itu memaksa baginda s.a.w menggunakan kaedah ini terhadap diri Baginda s.a.w sendiri, ahli keluarga serta sanak saudara terdekat sahaja. Pada tahap pertama, baginda s.a.w mentarbiah isterinya Sayyidatina Khadijah r.ha untuk menerima Islam dan menturuti ajaran dari-Nya. Kemudian diikuti oleh sepupu, menantu dan anak angkat baginda s.a.w iaitu Sayyidina Ali bin Abi Thalib r.a dan Sayyidina Zaid bin Harithah r.a. Selepas itu, baharulah sahabat karibnya, Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq. Secara perlahan-lahan tarbiah ini disampaikan dan disebarkan, meskipun begitu, keterbatasannya hanyalah untuk keluarga terdekat yang terdiri daripada *kabilah Quraisy* sahaja

## 2. Pola tarbiah Islamiah secara terang-terangan

Tarbiah secara rahsia berlaku sekitar tiga tahun sehinggalah tugas untuk menyampaikannya secara terang-terangan. Sewaktu penurunan perintah Allah s.w.t, baginda s.a.w mempelawa ahli keluarganya yang terdekat untuk berkumpul di bukit Shafa. Baginda s.a.w meminta supaya berwaspada terhadap segala tindakan atau perbuatan yang dilakukan pada kemudian hari khususnya bagi sesiapa yang menentang Allah s.w.t rasul-Nya. Tarbiah ini ditentang oleh Abu Lahab dengan berkata, “*celakalah kamu Muhammad!*” sebab *inikah kamu memanggil kami?* Selepas itu, turunlah ayat dari al-Quran yang menerangkan situasi Abu Lahab dan isterinya itu:

Allah s.w.t berfirman yang bermaksud, “Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab, dan binasalah ia bersama!. Hartanya dan segala yang diusahakannya, tidak dapat menolongnya. Ia akan menderita bakaran api neraka yang marak menjulang. Dan juga isterinya, seorang perempuan pemungkah kayu api. Di lehernya sejenis tali, dari tali-tali yang dipintal”. (Surah Al-Masad, 111: 1-5).

Seruan tarbiah secara terang-terangan dilakukan seiring dengan bilangan pengikut yang bertambah ramai dan untuk menjadikan tarbiah tersebut diyakini bahawa pasti ramai lagi puak Quraisy akan memeluk Islam. Tambahan lagi, pusat utama tarbiah iaitu rumah Arqam bin Abi Arqam sudah ‘dihidu’ oleh kuffar Quraisy.

## 3. Pola tarbiah Islamiah terbuka

Hasil tarbiah Islamiah secara terang-terangan yang menfokuskan terhadap puak Quraisy masih belum meluas sesuai dengan apa yang diharapkan. Jadi, Rasulullah s.a.w mengubah gerakan tarbiahnya dengan beralih kepada tarbiah terbuka iaitu kepada umat manusia secara keseluruhan. Tarbiah dalam skala *international* tersebut ialah berdasarkan kepada firman Allah s.w.t yakni:

“Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu. Sesungguhnya Kami tetap memelihara dan mengawalmu dari kejahatan orang-orang yang mengejek-ejek dan mempersendakanmu” (Surah al-Hijr, 15: 94-95).

Ayat di atas menjelaskan mengenai perintah dan jaminan Allah s.w.t terhadap Rasulullah s.a.w agar melakukan gerakan tarbiah Islamiah secara terbuka tanpa rasa takut dan gerun sekiranya dihalang oleh orang-orang kafir.

### 3.1.2 Silibus dan Metodologi Tarbiah

Tarbiah Islamiah pada waktu itu adalah *prototype* untuk dilaksanakan dan dibangunkan oleh umat Islam pada suatu hari nanti. Justeru, tarbiah yang dibawa Rasulullah s.a.w lebih menumpukan kepada dua asas yang menjadi nadi terhadap pentarbiahan umat Islam. Solichin (2008), Suriadi (2017) dan Za’farani (2020) menerangkan di dalam penulisan masing-masing bahawa, silibus dan metodologi tarbiah Islamiah di Mekah terbahagi kepada dua bentuk:

1. Skop Tarbiah Akidah-Tauhid. Secara teori, tarbiah yang diterima daripada Nabi Ibrahim a.s ini telah diselewengkan oleh masyarakat Arab jahiliah. Segala intisari berkaitan tarbiah Akidah-Tauhid telah termaktub dalam ayat ini yang bermaksud:

Allah s.w.t berfirman, “Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat). Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.” (Surah al-Fatihah, 1: 7).

Secara praktikal pula, keperluan tarbiah Akidah-Tauhid perlu disemai adalah bagi menuntun akal fikiran, mengajak umat Islam agar menimba ilmu, memperhatikan dan memikirkan kekuasaan serta kebesaran Allah s.w.t dalam diri manusia itu sendiri. Kemudian baginda s.a.w mengajarkan cara bagaimana mengintegrasikan segala tarbiah Akidah-Tauhid tersebut untuk diamalkan dalam kehidupan. Baginda s.a.w secara langsung menjadi *qudwah* (ikutan) terhadap para sahabatnya. Hasilnya, kebiasaan masyarakat Arab yang memulakan perbuatan atas nama berhala, diganti dengan ucapan *bismillahirrahmanirrahim*. Kebiasaan menyembah berhala, diganti dengan mengagungkan dan menyembah Allah s.w.t

2. Skop Tarbiah Al-Quran. Asas pendidikan Al-Quran dapat diperincikan secara ringkas melalui beberapa aspek:

- a. Asas membaca dan menulis al-Quran iaitu *imla* “ dan *qiraah*
- b. Asas menghafal al-Quran sebagai bahan hafalan utama
- c. Asas pemahaman ayat al-Quran atau dinamakan sebagai tafsir al-Quran

3. Al-Musanna (2011) dan Husein (2018) memberikan ulasan bahawa, silibus tarbiah pada zaman Nabi Muhammad s.a.w di Mekah meliputi lima dasar:

- a. Tarbiah *diniyah*.

Menanam kesedaran tentang setiap amal manusia bertaut erat dengan Tuhan

- b. Tarbiah akliyah dan ilmiah

Mengaktifkan dan mensucikan potensi akal daripada mitos dan kepercayaan karut marut

- c. Tarbiah akhlakiah dan adabiah

Memperbaiki kesucian hubungan manusia dengan manusia ataupun manusia dengan tuhan

- d. Tarbiah jasmaniah

Menekankan penjagaan tubuh badan dari penyakit dan perkara yang memudaratkan

- e. Tarbiah yang dilakukan secara perlahan mulai menemukan tempatnya

Perlunya tempat intensif untuk melakukan segala bentuk tarbiah dan segala perjuangan pentarbiahan dilangsungkan dengan sabar dan tabah

4. Omar et al. (2014), Abu Ghuddah (2015) serta Siti Aisyah et al. (2016) telah menyenaraikan beberapa contoh metodologi tarbiah Islamiah yang dilakukan oleh baginda s.a.w, khususnya



bagi membina akar jati diri seorang Muslim agar menjadi mukmin yang gemilang. Antaranya ialah:

a. Metode soal jawab

Contohnya, baginda s.a.w pernah ditanya mengenai masalah aurat atau berpakaian aurat. (Hadis riwayat Abu Daud, no. 3501 - Kitab Pemandian Umum)

b. Metode perumpamaan dan kata-kata hikmah

“Jadilah engkau di dunia ini bagaikan orang asing, atau seorang musafir.” (Hadis Riwayat Jami' At-Tirmidzi, no. 1702 - Kitab Baju)

c. Metode kisah-kisah teladan

Contohnya, kisah wanita dimasukkan ke dalam neraka kerana mengurung seekor kucing tanpa diberikan makanan dan minuman (Hadis Sahih al-Bukhari, no. 2192 - Kitab Al-Musaqah)

d. Metode kaunseling dan penyelesaian masalah

Contohnya, kisah seorang lelaki yang mengaku melakukan kesalahan khalwat (Hadis Riwayat Muslim, no. 4964 - Kitab Taubat)

e. Metode penyimbolan

Baginda s.a.w bersabda, “Jarak masa aku diutuskan dengan berlakunya hari kiamat adalah seperti dua jari ini (iaitu jari telunjuk dan jari tengah)”. (Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 4555 - Kitab Tafsir al-Qur`an)

f. Metode pemodelan

Baginda s.a.w bersabda, “Sesiapa yang berwuduk seperti wudukku ini kemudian dia bersembahyang dua rakaat dan tidak berbual antara keduanya, nescaya dosanya yang terdahulu diampunkan.” (Hadis riwayat al-Bukhari, no hadis 159)

g. Metode analogi dan tasybih

Baginda s.a.w bersabda, “Tersesatnya orang munafik itu bagaikan kambing yang kebingungan di antara kambing-kambing yang lain ia berbolak balik ke sana ke mari” (Hadis riwayat An-Nasa'i, no. 4951- Kitab Iman dan syariat)

h. Metode bahasa lisan dan isyarat badan

Baginda s.a.w bersabda, “Tinggalkanlah aku pada apa yang aku tinggalkan kepada kamu, kerana sesungguhnya binasanya orang-orang sebelum kamu adalah kerana banyak bertanya dan karena pertentangan mereka kepada para nabi mereka. Jika aku memerintahkan sesuatu, maka kerjakanlah semampu kamu dan jika aku melarang, maka tinggalkanlah” (Hadis riwayat Muslim, no. 2380 - Kitab Haji)

i. Metode demonstrasi

Contohnya, baginda s.a.w menyuruh sahabat mencontohi cara beliau solat (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 5549 - Kitab Adab)

j. Metode jawapan berkadar, panjang lebar dan luar konteks

Baginda s.a.w bersabda, “Berikanlah berita gembira dan jangan membuat orang tersebut menjauhi, permudahlah orang lain jangan engkau menyusahkan” (Hadis riwayat Bukhari, no. 1994 - Kitab Jual beli)

k. Metode pengulangan

Baginda s.a.w bersabda, “Celakalah bagi orang yang berbicara dan berdusta agar orang-orang tertawa. Kecelakaan baginya, kecelakaan baginya”. (Hadis Riwayat Abu Daud, no. 4338 - Kitab Adab).

l. Metode perbincangan

Contohnya, Baginda s.a.w bersabda, “Tahukah kalian siapa orang yang muflis (papa kedana)?, jawab mereka; orang yang tidak memiliki dirham dan harta. Rasul bersabda; Sesungguhnya orang yang muflis dari ummatku adalah orang yang datang pada hari kiamat dengan (pahala) salat, puasa dan zakat, Dia datang tapi telah mencaci ini, menuduh ini, memakan harta orang ini, menumpahkan darah (membunuh) ini dan memukul orang ini. Maka orang itu diberi pahala miliknya. Jika kebaikannya telah habis sebelum ia bisa menebus kesalahannya, maka dosa-dosa mereka diambil dan dicampakkan kepadanya, kemudian ia dicampakkan ke neraka. (Hadis riwayat Muslim, no. 4678 - Kitab Berbuat baik, menyambut silaturahmi dan adab)

### 3.2 Pelaksanaan Tarbiah di Madinah

Siri tarbiah secara pedagogikal berkembang dengan pesat selepas berlakunya penghijrahan ke bumi Madinah pada tahun 632 Masihi. Seiring dengan penurunan wahyu, aktiviti pentarbiahan dilakukan secara lebih meliputi dan tersusun. Kepelbagaian tatacara menempuhi kehidupan telah diberikan kepada mereka. Pada masa itu juga, wujud sistem pengurusan tarbiah secara sistematik. Menurut Hj. Ahmad (2006), terdapat sembilan buah sekolah yang dibina pada zaman baginda s.a.w dan antara yang paling utama sekali ialah institusi pendidikan Kaabah. Rasulullah s.a.w selalu mengunjungi institusi itu dan pernah mengadakan diskusi ilmiah dengan para sahabatnya. Selain itu, baginda s.a.w juga pernah mengirim sebilangan pendidik untuk menyebarkan ilmu di daerah-daerah Islam dalam jazirah Arab

#### 3.2.1 Pedagogi Tarbiah Islamiah

Pentarbiahan di Madinah berbeza sedikit berbanding di Mekah terutamanya sekali dari aspek pedagogikal Rasulullah s.a.w. Kebanyakan warga Madinah bersifat terbuka dengan tarbiah yang dibawa Baginda s.a.w:

1. Menurut Sidi Gazalba (1967), baginda s.a.w mendirikan masjid untuk digunakan sebagai medan perkongsian ilmu. Contohnya masjid Quba’, masjid Nabawi, masjid al-Jumua, masjid Qiblatain, masjid Musolla dan sebagainya
2. Baginda s.a.w turut memperkenalkan sistem *halaqah* di institusi masjid. Setiap kali selepas menunaikan sembahyang, orang-orang Islam di dalam masjid akan membentuk *halaqah* bagi mempelajari pelbagai jenis ilmu. Ilmu-ilmu daripada ini jugalah mereka gunakan untuk mendidik para wanita (Kinnany, 1980). Ayat al-Quran yang diterima baginda s.a.w akan diterangkan melalui penerangan, maksud dan berakhir dengan seruan untuk menghafal. Inilah merupakan pedagogikal tarbiah Islamiah pada zaman itu. Para sahabat pula menyampaikannya kepada keluarga di rumah masing-masing. Para sahabat sangat tekun menghafal dan memahami setiap ayat yang dipelajari daripada baginda s.a.w. Pada waktu malam pula, mereka akan *mentakrir* (mengulang kaji) setiap ayat yang dihafal. Menurut al-Naqib (1984), terdapat juga segolongan sahabat yang dilantik sebagai ‘Ahlus Suffah’ atau ‘Ikhwanus Suffah’ misalnya

Ka'ab, Hanzalah, Harithah dan lain-lain lagi (Al-Umari, 1989) yang selalu mendalami ilmu asas Islam berpandukan al-Quran selain selalu mendampingi Rasulullah s.a.w setiap siang dan malam (Mazhar, 1993). Bilangan mereka pada masa itu sekitar 50-55 orang (Abu Nu'aim, 1974). Kerja *ablus Suffah* ialah melakukan penyelidikan, menelusuri maklumat baharu dan menyebarkannya. *Ablus Suffah* juga bukan semata-mata menyampaikan ilmu al-Quran bahkan turut menekankan konteks perundangan dalam al-Quran dan ilmu-ilmu *kitabab* serta *qiraah* dari al-Quran.

3. Setiap sekali seminggu baginda s.a.w akan mengajar kaum wanita selain turut mengajar para sahabatnya di masjid. Setelah ramai memeluk Islam baharulah Rasulullah s.a.w menyusun atur strategi pengajarannya. Di Madinah, baginda s.a.w membentuknya kepada tiga jenis susunan. Hafiddin (2015) dan Ahmad (2018) menyatakan, terdapat tiga tahap tarbiah Islamiah yang digunapakai:

- a. Tahap Terbuka

Kebiasaannya baginda s.a.w sendiri atau wakil yang dilantik akan melakukan ekspedisi pentarbiahan di samping pergi ke luar Madinah. Medium tarbiah adalah khutbah. Konsep tarbiah pula ialah tauhid, hukum hakam (fiqh) dan ilmu sosial sains secara umum. Dalam pada itu, baginda s.a.w turut menyampaikan tarbiahnya melalui perbuatan (*qudwah hasanah*), tingkah laku (*amaliah*) dan juga melalui pergaulan (*hablumminnas*) bersama orang ramai. Tarbiah yang dibuat Rasulullah s.a.w kebiasaan berbentuk praktikal kerana metode ini sangat berkesan untuk memberikan bekas di jiwa setiap manusia yang pernah melaluinya. Dikatakan tarbiah itu juga, bukan sekadar mengunjungi pusat-pusat pendidikan tetapi mestilah berteraskan *amaliah* guru itu sendiri

- b. Tahap Khusus

Tarbiah hanya disampaikan oleh baginda s.a.w terhadap golongan tertentu tanpa mengira kedudukan, pangkat dan darjat. Misalnya, budak kecil, orang yang bermusafir dan sahabat-sahabat sendiri.

- c. Tahap Spesifik

Tarbiah secara giat dan bersungguh-sungguh. Tarbiah dibahagikan kepada dua tahap iaitu menulis dan membaca. Tahap menulis dan membaca disampaikan khusus kepada anak-anak kecil. Bagi menggapai halatuju tersebut, baginda s.a.w akan melantik sahabat yang berkemahiran untuk menjadi pendidik. Tambahan pula, baginda s.a.w telah meminta mana-mana sahabat yang mempunyai bakat dalam 'mentoring' bagi menggantikan baginda s.a.w. Selain itu, baginda s.a.w turut memerintahkan mana-mana tawanan musyrikin dan yahudi dalam perang Badar untuk 'membayar dirinya' dengan mengajar kanak-kanak kecil di Madinah sehingga bijak. Setiap daripada mereka diberikan bantuan dan diletakkan di bangunan serta sekitar kawasan masjid

### 3.2.2 Skop Tarbiah Islamiah

Menurut kajian Hadiyanto (2011), Miswar (2015) serta Setiawan dan Pratama (2018), intipati dalam skop tarbiah Islamiah di Madinah semasa era Rasulullah s.a.w ialah:

1. Kebanyakan penduduk Madinah sangat terbuka menerima untuk memahami tarbiah Islamiah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Jadi, proses penyebaran ajaran Islam tidak mempunyai sebarang masalah dan sangat lancar apabila disebarkan. Perbezaan masyarakat Mekah dengan masyarakat Madinah sangat ketara dan jelas. Misalnya, penduduk Mekah dikenali pasti dengan kriteria tegas dan berani sementelahan masyarakat Madinah pula lebih kepada pencinta

kedamaian antara manusia. Latar belakang ini juga yang membezakan intipati dalam skop tarbiah Islamiah yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w di Mekah dan Madinah.

2. Perkara besar kurikulum atau bahan pendidikan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w di Madinah lebih tertumpu kepada beberapa bidang di antaranya:
  - a. Tarbiah iman
  - b. Tarbiah ibadah
  - c. Tarbiah sahsiah
  - d. Tarbiah kesihatan
  - e. Tarbiah kemasyarakatan
3. Intipati silibus tarbiah Islamiah di Madinah mempunyai tiga bentuk iaitu:
  - a. Akidah
  - b. Al-Quran
  - c. Sosialisasi
4. Intipati dalam skop tarbiah Islamiah dapat dikaji melalui ayat yang diturunkan di Madinah. Majoriti ayat-ayatnya panjang dan setiap susunan perkataannya menceritakan tentang hukum-hakam (had, faraid, sivil dan sosial dan garis panduan antara negara dengan negara yang lain) bagi membuktikan bahawa agama Islam itu adalah realistik. Ayat-ayat yang lain pula mengandungi naratif tentang orang munafik.
5. Intipati dalam skop tarbiah yang digalas oleh Rasulullah s.a.w di kota Madinah nampak lebih jelas bahawa, matlamat tarbiah Islamiah yang diberikan adalah untuk mengangkat imej masyarakat Madinah secara sosial. Rasulullah s.a.w mahu kehidupan penduduk Madinah hidup dengan penuh disiplin, damai, dan patuh terhadap kehendak Islam

### **3.2.3 Metodologi Tarbiah Islamiah**

Secara umum, Surawardi (2015), Siregar (2016) serta Ismail dan Abidin (2017) menyatakan metodologi tarbiah Islamiah di Madinah pada zaman baginda s.a.w dianggap berjaya dan berhasil membentuk masyarakat *madani*. Antara *manhaj* (metode) yang digunapakai di Madinah adalah seperti berikut:

1. Meneliti setiap *mad'u* (orang yang ingin ditarbiah) secara terperinci
2. Menggunakan strategi yang tepat, tarbiah yang sempurna dan pembangunan masyarakat yang standard
3. Perlu melalui tahap tertentu. Misalnya, peringkat di Mekah secara diam-diam (*marhalah sirriyah*). Kemudian cara terbuka (*marhalah alaniyyah*). Akhir sekali, perlu diketahui secara umum (*marhalah jabriyah*).
4. Peranan hijrah bagi mengelakkan sebarang perkara buruk dan menjernihkan suasana yang lebih positif.
5. Melalui syiar dan lambang Islam seperti khutbah, azan, iqamah, dan solat berjamaah, taawun, zakat, dan sebagainya.

6. Menerapkan muafakat dengan masyarakat seperti dengan Bani Nadhir, Bani Quraidzah, Bani Qainuqa dan lain-lain lagi
7. Menerapkan perbuatan bertolak ansur dan saling sayang menyayangi.
8. Menerapkan benih-benih manusiawi, merdeka, dan demokrasi.
9. Penggunaan bahasa suku bangsa tertentu sekadar kemampuan
10. Aspek kitabah sepertimana yang dilakukan kepada raja Najasyi
11. Menerapkan konsep uswah hasanah, syuhada, tazkirah dan tarhib wa targhib.
12. Menerapkan toleransi dan kemaafan. Seperti peristiwa pemimpin kafir Quraisy, Fadhalah, dengan Rasulullah s.a.w

#### 4.0 KESIMPULAN

Jadi, asas pembangunan tarbiah Islamiah paling dasar di Mekah adalah Tauhid-Akidah. Tarbiah Tauhid-Akidah yang dipikul di atas bahu Rasulullah s.a.w pada ketika itu ialah untuk umatnya semata-mata. Tidak dapat disangkal lagi, skop tarbiah yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w sama ada di Mekah mahupun Madinah ialah untuk melahirkan insan holistik dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor agar menggapai kesejahteraan akhirat dan begitu juga di dunia. Skop tarbiah yang telah ditentukan oleh Rasulullah s.a.w ini menjadi warisan turun temurun sejak zaman para sahabat sehingga lahirnya pelbagai ilmu teorikal dan praktikal seperti pengumpulan naskhah al-Quran dan sunan Nabawiah yang berjaya memberikan pengertian baharu dalam dunia keilmuan Islam. Implikasi skop dan silibus yang dibangunkan dalam diri mereka juga berjaya memantapkan ilmu akidah dan terserlah perbuatan serta tingkah laku yang baik dalam kehidupan seharian. Dasar pembangunan tarbiah Islamiah di Madinah boleh dikatakan menjurus kepada sosialisasi dan politik. Menjadi kesinambungan antara ilmu tauhid di Mekah, iaitu pembangunan dalam ilmu kemasyarakatan dan politik supaya terus dijadikan landasan utama. Ini merupakan hasil penerapan ajaran tauhid tersebut.

#### Rujukan

- Abd Hakim, A., dan Mubarak, J. (2004). *Metodologi Studi Islam*. Bandung: PT. Remaja Rosda Karya Offset
- Abdul Rahman, A., D. (2019, Mei 11). Suspek liwat pelajar tahfiz akhirnya ditangkap. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/05/562578/suspek-liwat-pelajar-tahfiz-akhirnya-ditangkap>
- Ahmad Amin. (1975). *Fajr al-Islam*. Kairo: Maktabat al-Nahdhat al-Mesriah
- Ahmad, L., H. (2014). “Persepsi Pelajar terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam Pembentukan Sahsiah Muslim”. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(2), 133-140.
- Ahmad, M., H., A. (2018). Penjagaan Al-Quran: Kajian Perbandingan Literatur. 4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018 18th-19th September 2018. Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi.Selangor. Organized By Faculty Of Islamic Civilisation Studies. International Islamic University College Selangor, Malaysia, *E-Proceeding*, 818-829, eISBN Number : 978-967-2122-53-1
- Al-Buti, Said Ramadhan. (1991). *Fiqh Sirah Nabawiyah*. Beirut: Darul Fikri



- Al-Faruqi, Ismail R. dan Al-Faruqi, Lois Lamnya. (1992). *Atlas Budaya Islam*. Mohd. Ridzuan Othman, Mohd. Sidin Ishak dan Khairuddin Harun (penterjemah)]. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 12.
- Al-Isfahani, Abu Nuaim. (1974). *al-Hilyah al-Anliyat*. Beirut: Dar al-Kutub
- Al-Iskandari, Ahmad dan Musthofa Inani. (1952). *Al-Wasit Fi Al-Adab Al-'Arabi wa Tarikhi*. Kairo: Dar al-Ma'arif.
- Al-Mubarakfuri, S. (1979). *Ar-Rabiq al-Makhtum: Sirah Nabawiyah*. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Al-Musanna. (2011). Pembentukan Dan Perkembangan Pendidikan Pada Masa Nabi. *Jurnal Ilmiah Didaktika*, Xi (2), 343–358.
- Al-Naqib, (1984). *Bubuth fi al-Tarbiyah al-Islamiyah*. Jil. 2. Kaherah: Dar al-Fikr
- al-Qurashi, B., S. (2009). *Al-Nizam al-Tarbawi fi al-Islam Dirasatun Muqaranah*. t.tp.: Darul Ta'aruf li al-Matbu'ah.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir. (1997). *Tarikh al-Tabari* (edisi kedua). Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Umari, A., D. (1989). *Madinah Society*. Jilid 1, Terj. Huda Khatab. International Islamic Publishing House
- Al-'Usairy, A. (2003). *Sejarah Islam: Sejak zaman Nabi Adam hingga abad XX*. Jakarta: Eka Sarana.
- Aminah, N. (2015). Pola Pendidikan Islam Periode Khulafaur Rasyidin. *Jurnal Tarbiya*, 1, 31–46.
- Anis, M., Y. (2015). Bahasa Arab Di Wilayah Hijaz Arab Saudi: Kajian Geografi Dialek. *Prosiding Universitas Indonesia International Seminar Of The Middle East (Ui Isme)*. Jakarta: FIB UI, 110–128.
- Baharin, B., H. (2019, November 11). Dua pelajar tahfiz mengaku tidak terbabit amang seksual. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/627288/dua-pelajar-tahfiz-mengaku-tidak-terbabit-amang-seksual> Access date: 8 Disember 2019
- Abu Ghuddah, A., F. (2015). *Ar-Rasul al Mu" allim wa Asalibuhu fi at Ta" lim*. Jakarta: Armasta.
- Hadiyanto, A. (2011). Makkiiyyah-Madaniyyah: Upaya Rekonstruksi Peristiwa Pewahyuan. *Jurnal Studi Al-Qur'an*, 7(1), 1-22
- Hafiddin, H. (2015). Pendidikan Islam Pada Masa Rasulullah. *Jurnal Tarbiya*, 1(1), pp. 17–30. Retrieved from [http://journal.uinsgd.ac.id/index.php/jurnal-tarbiya/article/view/135/pdf\\_2](http://journal.uinsgd.ac.id/index.php/jurnal-tarbiya/article/view/135/pdf_2) Access date: 20 Mei 2019
- Hj. Ahmad, A., B. (2006). *Sejarah Pendidikan Pada Zaman Rasulullah s.a.w*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haris, A. (2006). *Nabi Muhammad s.a.w dan Reformasi Masyarakat Arab*. Kontekstualita: IAIN STS Jambi
- Hassan, K. (2019, November 03). Tangani gejala sosial melalui pendekatan bersepadu. *Berita Harian Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/11/624591/tangani-gejala-sosial-melalui-pendekatan-bersepadu> Access date: 15 Disember 2019
- Husein, S. (2018). POLA PENDIDIKAN ISLAM MASA RASULULLAH SAW (Kajian Historis Pola Pendidikan Islam Masa Rasulullah Fase Mekkah dan Madinah Serta Kontribusinya Pada Pendidikan Islam Masa Kini). Available at: <URL: <https://fitk.iainambon.ac.id/pai/artikel-ilmiah/>>. Access Date: 11th June 2020.
- H. Abuddin Nata. (2011). *Sejarah Pendidikan Islam* (Edisi Pertama). Jakarta: KENCANA.
- H. Abuddin Nata. (2014). *Sejarah Pendidikan Islam* (Edisi Kedua). Jakarta: KENCANA.
- Ibhrim, Z. B. (2014). *Metod Sejarawan Islam Awal Dan Pertengahan*. Retrieved from: <URL: <https://adoc.tips/download/metod-sejarawan-islam-zaman-awal-dan-pertengahan-zuriani-bin.html>> Access Date: 6th Jun 2018.

- Ibnu Hisham, Abu Muhammad Abdul Malik. (1991). *Sirah Nabawiyah Ibnu Hisham*. (Vol. 1). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, 199
- Ibnu Katsir, Ismail bin Kathir. (2008). *Tafsir Ibnu Katsir* [‘Abdullah bin Muhammad bin ‘Abdurrahman Ishaq Alu Syaikh (penterjemah), Jilid. 8]. Sumatera: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Iqbal, M. (2015). Pendidikan Islam Pada Periode Rasulullah Makkah Dan Madinah. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Sosial Agama (JIPSA)*, 15(17), 6
- Iskandar dan Najmuddin. (2013). Pola Pendidikan Islam Pada Periode Rasulullah di Makkah dan Madinah. *LENTERA*, 13(3), 67-72
- Ismail, M., T. dan Abidin, Z. (2017). Kontekstualisasi Hijrah Sebagai Titik Tolak Pembaharuan Pendidikan. *SUHUF*, 29(1), 50-65
- Jasmi, K. A. dan Che Noh, M. A. (2013). Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran (History, Methods, and Models of Teaching and Learning of the Quran) in *Bengkel Pemuliharaan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI)* at Lecture Hall, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur on 28-29 October 2013, 1-17.
- Zamhari, A. (2019). Kes rogol juvana naik kerana mudah dapat bahan lucuk - polis. (2019, Oktober 25). *Malaysiakini*. Available at: <<https://www.malaysiakini.com/news/497327>>. Access Date: 9 November 2019
- Kinnany. (1980). “Producing teachers for Islamic Education” di dalam *Curriculum and Teacher Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University
- Khafaji, Muhammad Abdul Mun'im. (1973). *Al-Syi'r al-Jabily*. Bairut: Dar al-Kitab.
- Latib, S. (2018). Suspek sering bawa balik pelajar tahfiz. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/03/399508/suspek-sering-bawa-balik-pelajar-tahfiz> Access Date: 11 November 2019
- Bername. (2019) Lebih 100 bayi dibuang setiap tahun di Malaysia. (2019, April 05). *Sinar Harian*. Available at: <<https://www.sinarharian.com.my/article/21820/BERITA/Nasional/Lebih-100-bayi-dibuang-setiap-tahun-di-Malaysia>> Access Date: 13 Oktober 2019
- Mahmud Yunus. (2008). *Sejarah Pendidikan Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Mazhar, M., Y. (1993). *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah s.a.w*, Terj. Khalil Mohd Zain dan Md Yunus Md Said. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka
- Miswar. (2015). Praktek pendidikan Nabi Muhammad saw. *Ihya al 'Arabiyah*, 5 (1), 50-59
- Mohammad, G. (Ed.). (2014). *The Religious Architecture of Non-Muslim Communities Across the Islamic World* (Vol. 3). Netherlands, Leiden: Brill.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Nizar, Samsul. (2005). *Sejarah dan Pergolakan Pemikiran Pendidikan Islam: Potret Timur Tengah Era Awal dan Indonesia*. Ciputat: Quantum Teaching
- Nizar, S. (2011). *Sejarah Pendidikan Islam*. Jakarta: Karisma Putra Utama
- Omar, R., Shamli, N., A. dan Shahid, S. (2014). Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran Menurut Perspektif Islam : Kebitaraan Pendekatan Rasulullah S.A.W Sebagai Pendidik. Konvensyen Kebitaraan Junjungan Mulia 2014 (INSAN2014), Gerik, Perak, 3 April 2014, 1-17. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/327673525\\_Metodologi\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran\\_Menurut\\_Perspektif\\_Islam\\_Kebitaraan\\_Rasulullah\\_Sebagai\\_Pendidik](https://www.researchgate.net/publication/327673525_Metodologi_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Menurut_Perspektif_Islam_Kebitaraan_Rasulullah_Sebagai_Pendidik) Access Date: 15 Oktober 2019

- Ritonga, M. (2015). Puisi Arab dan penafsiran al-Quran: Studi Tafsir al-Kasysyaf dan al-Muharrir al-Wajiz. *Kajian Linguistik Dan Sastra*, 27(1), 1–14.
- Rus'an, H. (1981). *Lintasan Sejarah Islam di Zaman Rasulullah s.a.w.* Semarang: Wicaksana sosial.
- Saifullah, E. (2016). Pembangunan Ekonomi Pada Masa Pemerintahan Rasulullah s.a.w. *Islamic Banking*, 2(1), 77-87
- Setiawan, A., I dan Pratama, M., A., Q. (2018). Karakteristik Pendidikan Islam Periode Nabi Muhammad di Makkah dan Madinah. Nalar: *Jurnal Peradaban dan Pemikiran Islam*, 2(2), 130-135.
- Shaari, S. (2017, Mac 13). Didikan Agama Bantu Tangani Gejala Sosial. *Utusan Online*. Retrieved from [www.utusan.com.my/rencana/forum/didikan-agama-bantu-tanganigejala](http://www.utusan.com.my/rencana/forum/didikan-agama-bantu-tanganigejala)
- Sidi Gazalba. (1967). *Mesjid Pusat Ibadah dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Siregar, L., M. (2016). Upaya Pendidikan Islam Pada Masa Awal Nabi Muhammad s.a.w. *Jurnal Al-Thariqah*, 1(1), 104-114.
- Siti Aisyah, Miratul Khasanah dan M. Fauzil Adzin. (2016). *Makalah Pembinaan Pendidikan Islam Perodesasi Mekah dan Madinah. Tugas Sejarah Pendidikan Islam*. IAIN: Fakultas Tarbiah dan Ilmu Keguruan.
- Solichin, M., M. (2008). Pendidikan Islam Klasik (Telaah Sosio-Historis Pengembangan Kurikulum Pendidikan Islam Masa Awal Sampai Masa Pertengahan). *Tadrīs.*, 3(2), 193-210
- Suriadi. (2013). Pendidikan Islam Masa Rasulullah saw. *Belajea : Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. 2, No. 02, 2017 Manusia, 1(2), 421–436. Retrieved from [http://www.uin-alauddin.ac.id/download-jurnal\\_Diskursus\\_Islam\\_1\(3\)\\_Desember\\_2013.95-110.Pdf](http://www.uin-alauddin.ac.id/download-jurnal_Diskursus_Islam_1(3)_Desember_2013.95-110.Pdf)
- Surawardi. (2015). Sistem Dan Kelembagaan Pendidikan Islam Periode Madinah. *Management of Education*, 1(2), 94–104.
- Syalabi, Ahmad. (1983). *Tarikh al-Islamiyah wal Hadarab al-Islamiyah* (Jilid. 2). Mesir, Kaherah: Maktabah Nahdhah.
- Syukur, F. H. (2009). *Sejarah Peradaban Islam*. Semarang: Pt. Pustaka Rizki Putra
- Taufikurrahman. (2018). Pendidikan Era Rasulullah Di Mekkah Dan Madinah. *Jurnal Al-Makrifat*, 3(1), 46-63
- Yalchin, M. (1977). *Al-Tarbiyyah al-Akhlaiyyah al-Islamiyyah*. Mesir: Maktabah al-Khanji.
- Yamin, M. (2017). Peradaban Islam Pada Masa Nabi Muhammad Saw. *Ihya'ul Arabiyah*, 3(1), 108–122.
- Za'farani, Hafiz. (2020, April 25). Memahami perkembangan. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/04/571229/memahami-perkembangan>. Access Date: 18 Desember 2019